

JAWAPAN: Y.B. SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Projek kini berada di FASA 2A yang melibatkan penentuan parameter yang melibatkan penstrukturan butiran terperinci projek, termasuk pengenalpastian jajaran dan lokasi stesen, kaedah-kaedah pelaksanaan dan perolehan bersama pihak-pihak berkepentingan terlibat termasuk wakil-wakil pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kedua-dua negara sedang dalam proses meneliti dan membincangkan aspek-aspek teknikal, komersil dan perundangan projek. Kali terakhir Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Menteri Malaysia-Singapura yang telah diadakan pada 8 Mac 2016 telah membincangkan antara lain, struktur projek yang bersesuaian.

Kos pembinaan dan nama kontraktor untuk kedua-dua projek ini masih belum dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.